

12 SEP 1996

AEM-Sekatan

ASEAN BIMBANG MENGENAI SEKATAN AMERIKA TERHADAP IRAN, LIBYA DAN CUBA

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 12 Sept (Bernama) -- Menteri-menteri Ekonomi dari tujuh negara Asean hari ini menyatakan kebimbangan mereka mengenai sekatan perdagangan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap Iran, Libya dan Cuba.

"Penggunaan Akta Sekatan Amerika Syarikat terhadap negara-negara ini akan menjejaskan sistem perdagangan pelbagai hala," kata menteri-menteri berkenaan dalam satu kenyataan bersama selepas mesyuarat mereka yang ke-28 di sini.

Cadangan untuk mengadakan kenyataan Asean mengenai perkara itu dikemukakan oleh Malaysia.

Ketika bercakap pada persidangan berita bersama selepas mesyuarat itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata: "Adalah jelas bahawa apabila Amerika melaksanakan sekatan itu, ia menandakan tindakan ketenteraan itu adalah di luar wilayah."

Beliau berkata Asean berpendapat ini tidak harus dilakukan kerana "ia memberitahu kita apa yang harus dilakukan sedangkan ia (Amerika) mempunyai pertikaian dengan negara berkenaan.

"Oleh itu, apabila kita bercakap mengenai penjejasan sistem pelbagai hala, inilah sebenarnya dimaksudkan," katanya.

Rafidah berkata jika Amerika boleh melakukan demikian kepada negara lain, apa yang menghalang negara lain daripada melakukan perkara serupa di kawasan lain.

"Oleh itu, ke manakah hala tujunya? Kita bercakap mengenai perdagangan pelbagai hala yang lebih bebas dan liberal," katanya.

Beliau berkata jika negara-negara mula melakukan sekatan di merata-merata tempat kerana mempunyai masalah dua hala dalam negeri atau kerana pertimbangan politik dalam negeri, sistem pelbagai hala akan musnah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lepas, berkata bahawa Malaysia mempunyai hak membuat keputusan sendiri untuk melabur di Iran walaupun terdapat kemungkinan Amerika mengambil tindakan terhadap negara kerana adanya satu undang-undang Amerika yang menghalang rakyat asing melabur di Iran dan Libya.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu ketika mengulas langkah Petronas untuk memperolehi 30 peratus saham dalam projek pembangunan minyak luar pantai, Sirri A dan Sirri E, di Iran.

Beliau berkata Malaysia berkerjasama dengan Amerika dalam beberapa perkara tertentu tetapi ini tidak bermakna Amerika boleh membuat keputusan bagi pihak negara lain.

Menteri-menteri ekonomi Asean itu juga menyatakan kebimbangan terhadap beberapa isu perdagangan antarabangsa yang boleh menjejaskan kedudukan Asean, khususnya, pelaksanaan Peraturan Asal Mengenai Tekstil dan Pakaian Amerika yang boleh memberi kesan buruk terhadap perdagangan tekstil dan pakaian Asean.

"Sehubungan itu, para menteri menggesa Amerika supaya menarik balik pelaksanaan Peraturan Asal Mengenai Tekstil dan Pakaian itu sementara menunggu rumusan Peraturan Gabungan Asal Pertubuhan Perdagangan Dunia," tambah kenyataan itu. -- BERNAMA

KHY NAK